

08/10/2001

LAN kawal standard kualiti IPTS

Muhammad Muammar Gadaffi Omar

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menegaskan bahawa Malaysia telah bersedia menjadi tempat tumpuan negara lain mendapatkan pendidikan tinggi. Dasar ini disambut baik oleh sektor swasta dengan menubuhkan pelbagai bentuk institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS).

Bagi menjamin pertumbuhan pendidikan tinggi swasta ini dilaksanakan secara sihat, satu akta yang diberi nama Akta Lembaga Akreditasi Negara (Akta 556) diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1996. Akta ini kemudiannya membawa kepada penubuhan Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

LAN memulakan operasinya sejak awal penubuhan hingga kini di Tingkat 14, Blok B, Menara PKNS-PJ, No 17, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor. Selain itu, LAN juga boleh dihubungi melalui talian 03-79687002/11 Fax: 03-79569406/79549215. LAN juga mempunyai laman web sendiri beralamat <http://www.lan.gov.my> dan e-mail: akreditasi@lan.gov.my

Lembaga Akreditasi Negara (LAN) ditubuhkan pada 15 Mei 1997 ekoran penguatkuasaan Akta Lembaga Akreditasi Negara, 1996 (Akta 556). LAN telah dirasmikan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan pada masa itu, pada 3 Julai 1997.

Misi LAN ialah memastikan kursus pengajian di IPTS di Malaysia bertaraf antarabangsa, menyumbang kepada pembangunan manusia, menjana kekayaan negara dan mempunyai ciri-ciri unik hasil adunan budaya Malaysia ke dalam kurikulum dan aktiviti akademiknya.